



**KEJOHANAN SUKAN STAF
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA
PERATURAN BADMINTON**

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut **Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF)** dan **Peraturan-Peraturan AM Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM)**.
- 1.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan- peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran SUKUM.
- 1.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan peraturan AM SUKUM adalah diikuti.

2. PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN

- 2.1 ***Seseorang pemain dibenarkan bermain sekali sahaja dalam perlawanan yang sama ("tie").***
- 2.2 Senarai nama pemain dan pemain simpanan (Borang Susunan Pemain) yang akan mengambil bahagian dalam pertandingan hendaklah diserahkan kepada pengadil/referee kehormat yang bertugas sekurang-kurangnya 30 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 2.3 Pemain yang bermain di kategori veteran boleh bermain di dalam kategori senior jika didaftar dalam kategori senior.
- 2.4 Sekiranya pengadil kehormat berpendapat bahawa sesuatu keadaan itu tidak sesuai untuk bermain, tarikh dan masa pertandingan hendaklah ditetapkan dengan syarat memberitahu terlebih dahulu universiti-universiti yang terlibat.
- 2.5 Jika pemain yang tidak hadir apabila masa permainannya tiba, maka permainan itu sahaja akan diambil kira sekiranya sebagai kemenangan percuma ("walk over") dengan kemenangan 21-0, 21-0. Merujuk kepada Peraturan AM Perkara 14.2.
- 2.6 Pemain atau pengurus pasukan boleh merayu kepada pengadil atas segi undang-undang sahaja ("point of law"). Walau bagaimanapun keputusan pengadil adalah muktamad.

3. PAKAIAN

Sila rujuk Peraturan AM 9.0 .

4. SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan AM 12.0

5. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan AM 15.0

6. PERLAWANAN YANG DI TUNDA ATAU DIBENARKAN

Sila rujuk Peraturan AM 16.0

7. CARA MEMUTUSKAN KUMPULAN

7.1 Cara Memutuskan Keputusan Kumpulan

7.1.1 Cara memberi mata: **Menang** – 3 mata dan **Kalah** – 0 mata.

7.1.2 Jika terdapat 2 pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan secara pengiraan 'head to head' antara 2 pasukan tersebut di mana pasukan yang memenangi perlawanan terdahulu antara mereka diberi hak sebagai pemenang.

7.1.3 Jika terdapat 3 atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

7.1.3.1 Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang (perbezaan perlawanan).

7.1.3.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan set yang terbanyak dikira pemenang (perbezaan set).

7.1.3.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang.

7.1.3.4 Jika masih seri pasukan yang pernah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan di kira menang.

8. KELEWATAN

Sila rujuk Peraturan AM 14.0

9. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

9.1 ACARA BERPASUKAN LELAKI

Aturan Perlawanan:

- 9.1.1 Perseorangan Senior Lelaki
- 9.1.2 Beregu Senior Lelaki Pertama
- 9.1.3 Beregu Veteran Lelaki Pertama
- 9.1.4 Beregu Senior Lelaki Kedua
- 9.1.5 Beregu Veteran Lelaki Kedua

9.2 ACARA BERPASUKAN WANITA

Aturan Perlawanan:

- 9.2.1 Perseorangan Senior Wanita
- 9.2.2 Beregu Senior Wanita
- 9.2.3 Beregu Veteran Wanita

10. RINGKASAN PENYERTAAN

KATEGORI	PEMAIN SENIOR	PEMAIN VETERAN	JURULATIH	PENGURUS PASUKAN	JUMLAH
Pemain Lelaki	7	6	1	1	15
Pemain Wanita	5	4	1	1	11

11. RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	3 & 4
Berpasukan Lelaki (Senior & Veteran)	1 (15)	1 (15)	2 (30)
Berpasukan Wanita (Senior & Veteran)	1 (11)	1 (11)	2 (22)
JUMLAH	2	2	4